



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

JUNI DIKUL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

JUNI DIKUL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MOD PENYELIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Please tick (✓)

Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed Mode

PhD

	<input checked="" type="checkbox"/>	

INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the11.....day of Feb.....2020.....

i. Student's Declaration:

I, JUNI DIKUL, M20162002561, FBK (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN. is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Signature of the student

ii. Supervisor's Declaration:

I DR. ROSLIAH KITING (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a * partial/full fulfillment for the conferment of SARJANA PENDIDIKAN BAHASA KADAZANDUSUN (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

27-02-2020

Date

Signature of the Supervisor





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PENERAPAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJIAN
DAN PEMBELAJARAN BAHASA KADAZAN DUSUN.

No. Matrik / Matric No.:

M20162002561

Saya / I :

JUNI DIKUL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 27.02.2020

DR. ROSLIAH KITING
*Pensyarah Kongsi
Tuanku Bahasa dan Komuniti
& (Nama & Cop Penyayang)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak.*

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur dan terima kasih Tuhan yang Maha pemurah lagi Maha pengasih, kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan kajian ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jutaan dan Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Rosliah Kiting selaku pensyarah penyelia saya yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar didalam proses penyiapan kajian ini. Saya berasa amat bersyukur kerana beliau banyak bersabar dalam membimbing serta memberikan banyak nasihat, teguran, motivasi dan juga semangat kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Hanya doa yang mampu saya titipkan pada Tuhan agar membalas segala kebaikan beliau di dunia dan akhirat.

Seterusnya, terima kasih yang tidak ternilai saya ucapkan kepada kedua-dua ibubapa saya dan juga seluruh ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan moral, dorongan serta dari segi kewangan sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Merekalah sumber kekuatan saya untuk terus berjuang dalam arena ilmu. Tanpa doa dan restu mereka, tidak mungkin usaha untuk menyiapkan kajian ini membawa hasil. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat dan juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya secara langsung ataupun tidak langsung dalam proses menyiapkan hasil kajian ini.



Tidak lupa juga kepada pihak Institut Pengajian Siswazah UPSI, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan juga sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Kepada guru-guru yang terlibat didalam kajian ini, iaitu Penolong Kanan HEM SMK.Bundu Tuhan, Puan Nuis dan juga guru bahasa Kadazandusun Cik Lianah, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama serta bantuan yang dihulurkan dari segi masa, tunjuk ajar, dan sokongan padu dalam bidang ini. Bagi mereka yang saya tidak dapat sebutkan satu-satu dalam wadah ini yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, saya ingin ucapkan agar kalian sentiasa diberkati dan diberikan keberkatan walau di mana jua kalian berada. Akhir pinta, semoga dengan penghasilan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua. Sekian Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dengan menggunakan cerita rakyat di salah sebuah sekolah menengah luar bandar di Negeri Sabah. Dalam kajian ini, objektif utama adalah meliputi 3 aspek yang paling penting iaitu mengenalpasti minat murid, menganalisis kesediaan murid dan seterusnya menghuraikan faktor penerimaan murid terhadap penerapan didik hibur dengan menggunakan cerita rakyat dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif dari segi min dan sisihan piawai dengan menggunakan *Stastical Package For Science Social Version 23*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa skor min bagi minat murid, kesediaan murid, serta penerimaan murid terhadap penerapan didik hibur berasaskan *tangon* (cerita rakyat) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun adalah berada pada tahap tinggi dan sangat tinggi iaitu min 4.12, 4.07 dan 4.30. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur menyumbang kepada peningkatan dari segi minat, kesediaan dan penerimaan murid terhadap matapelajaran Bahasa Kadazandusun. Penerapan didik hibur terbukti mampu menarik minat murid untuk mempelajari matapelajaran Bahasa Kadazandusun. Ini merupakan salah satu cara untuk mendorong masyarakat agar terus mempelajari bahasa ibunda iaitu melalui pendokumentasian cerita-cerita lisan agar mereka lebih bermotivasi untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun. Seterusnya, penggunaan *tangon* (Cerita rakyat) sebagai bantu mengajar menyumbang kepada penambahan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Implikasi daripada kajian ini, ia dapat dijadikan sebagai satu perintis serta landasan kepada kajian yang lebih luas dan mendalam bagi bidang yang sama di dalam program serta kursus yang lain.





IMPLEMENTATION OF EDUTAINMENT IN TEACHING AND LEARNING OF KADAZANDUSUN LANGUAGE

ABSTRACT

This research aims to study the implementation of edutainment in Kadazandusun teaching and learning by using folklore in one of the rural schools in Sabah. In these studies, the main objectives include three important aspects; identifying student interest, analyzing student readiness, and subsequently explain the factors of student acceptance to the implementation of edutainment using folklore in teaching Kadazandusun language. This study is a quantitative research using questionnaires form as a research instrument. Data were analyzed descriptively in terms of mean and standard deviation using the Statistical Package for Social Science Version 23. The findings show that mean scores for student interest, student readiness, and student acceptance on the implementation of *tangon*-based edutainment (folklore) in teaching and learning of the Kadazandusun language are at high and very high levels of 4.12, 4.07 and 4.30. This data explains that teaching and learning which implement edutainment contributes enhancement in student interest, readiness, and acceptance in Kadazandusun language subjects. The implementation of edutainment has proven to attract students to learn the Kadazandusun language. This is one of the ways to encourage people to continue learning their mother tongue through the documentation of oral stories so that they are more motivated to learn the Kadazandusun language. Subsequently, the use of *tangon* (folk stories) as teaching aids contributes to adding teaching aids (TA) for the teaching and learning of Kadazandusun language. This study implies that they can serve as a pioneer and a basis for a broader and more comprehensive study of the same field in other programs and courses.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Soalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.6.1	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	8





1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)	9
1.6.3 Guru-Guru Bahasa Kadazandusun	10
1.6.4 Pelajar	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Pembolehubah	11
1.8.1 Penerapan	11
1.8.2 Didik Hibur	13
1.8.3 Pengajaran	13
1.8.4 Pembelajaran	14
1.8.5 Bahasa Kadazandusun	15
1.9 Kesimpulan	17



2.1 Pendahuluan	18
2.2 Definisi Didik Hibur	19
2.3 Ciri-Ciri Didik Hibur	21
2.4 Sorotan Literatur	24
2.4.1 Kajian Berkaitan Didik Hibur di dalam dan Luar Negara	24
2.5 Pelaksanaan Didik Hibur di dalam Bilik Darjah	29
2.5.1 Peringkat Pertama	30
2.5.2 Peringkat Kedua	31
2.6 Ciri-Ciri Bahan Bantu Mengajar	33
2.7 Teori Behaviorisme	35
2.8 Teori Pengajaran Kognitif	37





2.9	Kesimpulan	40
-----	------------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Prosedur Kajian	44
3.3.1	Proses Penghasilan Buku <i>Tangon</i> (Buku Cerita)	44
3.3.2	Proses Pengumpulan Data	46
3.4	Lokasi Kajian	50
3.5	Populasi dan Persampelan	50
3.6	Instrumen Kajian	51
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	53
3.8	Kajian Rintis	55
3.8.1	Proses Kajian Rintis	57
3.9	Keputusan Kajian Rintis	59
3.10	Kesimpulan	62



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	63
4.2	Keputusan Soal Selidik	64
4.3	Data Demografi Sampel	65
4.4	Analisis Data	67
4.4.1	Analisis Data Objektif Kajian I	68





4.4.2	Analisis Data Objektif Kajian II	72
4.4.3	Analisis Data Objektif Kajian III	76
4.5	Kesimpulan	80

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	81
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	82
5.2.1	Mengenalpasti Minat Murid Terhadap Penerapan Didik Hibur didalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun.	82
5.2.2	Menganalisis Tahap Kesediaan Murid didalam Pembelajaran yang Menerapkan Didik Hibur.	90
5.2.3	Menghuraikan Tahap Penerimaan Murid Tentang Penerapan Didik Hibur didalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun	99
5.3	Implikasi Kajian	102
5.3.1	Guru	102
5.3.2	Murid	103
5.3.3	Pentadbir Sekolah	103
5.3.4	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	104
5.3.5	Institut Pendidikan (IPG,IPTA,IPTS)	104
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.5	Rumusan	108
	RUJUKAN	109





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Ciri-ciri Didik Hibur	27
3.1	Jadual Prosedur Pelaksanaan Kajian	49
3.2	Pekali Cronbach Alpha	61
4.1	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina	65
4.2	Pengkelasan Min	67
4.3	Mengenalpasti Minat Murid Terhadap Penerapan Didik Hibur Didalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun.	68
4.4	Menganalisis Tahap Kesediaan Murid Didalam Pembelajaran Yang Menerapkan Didik Hibur.	72
4.5	Menghuraikan Tahap Penerimaan Mmurid Tentang Penerapan Didik Hibur Didalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bhasa Kadazandusun	76



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Ciri-ciri Didik Hibur	24
2.2 Ciri-ciri Bahan Bantu Mengajar	34
4.1 Taburan Jantina Responden Kajian Mengikut Peratus (%)	66
4.2 Carta Bar Bagi Item Nombor 6	70
4.3 Carta Bar Bagi Item Nombor 5	71
4.4 Carta Bar Bagi Item Nombor 6	74
4.5 Carta Bar Bagi Item Nombor 2	75
4.6 Carta Bar Bagi Item Nombor 2	78
4.7 Carta Bar Bagi Item Nombor 3	79





SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains Dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IPG	Institut Pengajian Guru
SPSS	Statistical Packages For Social Science
PPK	Pusat Pengajian Kurikulum
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kajian Rintis
- B Borang Soal Selidik Sebenar
- C Surat Pengesahan Borang Soal Selidik
- D Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- E Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPN)
- F Surat Kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)
- G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Lapangan di Sekolah
- H Pengesahan Bilangan Pelajar Mengikut Mata Pelajaran Yang Diambil Untuk Pengiraan PCG Mata Pelajaran Bidang Bahasa 2018.
- I Modul Pengajaran Didik Hibur
- J Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan Set Induksi.
- K Bahan Bantu Mengajar- *Tangon* (Buku Cerita)
 - L i. Teks Buku Cerita Dalam Versi Bahasa Kadazandusun.
ii. Teks Buku Cerita Dalam Versi Bahasa Melayu
- M Latih Tubi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Pengajaran didik hibur merupakan teknik pengajaran abad ke 21. Pada tahun 2010, Kerajaan telah mengambil langkah dengan memperkenalkan kurikulum baru bagi sekolah rendah dalam sistem pendidikan negara iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di mana ia merupakan kesinambungan daripada pemurnian Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KSSR telah memberi tumpuan terhadap empat kemahiran utama iaitu menulis, membaca, mengira, menulis serta menaakul. Kesemua kemahiran ini dilaksanakan dalam pengajaran didik hibur yang merupakan salah satu hasil pemurnian yang telah dilakukan daripada KBSR. Didalam kajian ini, pengkaji



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



menggunakan penerapan elemen didik hibur iaitu aktiviti bercerita bagi menerapkan unsur didik hibur ke dalam pengajaran.

Berdasarkan kepada elemen didik hibur iaitu aktiviti bercerita, maka kajian ini akan menumpukan kepada penerapan didik hibur ke dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan tiga kaedah utama untuk mengumpul hasil dapatan kajian ini. Kaedah yang pertama adalah dengan mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaraan dan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Seterusnya kaedah yang kedua adalah dengan menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur. Dan yang terakhir ialah menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran



menggunakan borang soal selidik, kemudian ia akan dianalisis dengan menggunakan SPSS *Statistical Package for the social science version 23* untuk mendapat hasil analisis data.

1.2 Latar Belakang Kajian

Subjek Bahasa Kadazandusun mula diajar di sekolah rendah pada tahun 1997, kemudian ia mula dilaksanakan di sekolah menengah pada tahun 2006. Subjek Bahasa Kadazandusun merupakan salah satu subjek bahasa etnik yang terdapat di Malaysia sebagaimana ia diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan Negara Malaysia pada tahun 1996. Tujuan mata pelajaran ini diadakan adalah bertujuan untuk melahirkan murid-





murid yang mampu berkomunikasi dengan berkesan bagi mengekalkan budaya warisan Kadazandusun terutamanya di Sabah dan Malaysia secara amnya, Rosliah Kiting, (2011:329).

Secara umumnya, masyarakat Kadazandusun mempunyai keunikan pada budaya serta bahasanya yang tersendiri yang masih belum dirungkai dan tidak pernah terlihatkan oleh masyarakat luar. Dalam hal ini, usaha gigih daripada kaum pendidik amat diperlukan bagi mengkaji semula keperluan pembelajaran murid-murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Harus dikaji semula bahawa hakikat yang tidak mampu kita nafikan apabila murid-murid pada masa kini memerlukan pembelajaran secara pelbagai. Kepelbagaiannya keperluan ini harus diambilkira bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif untuk murid-murid.



Melalui kebolehan dan daya kreativiti yang tinggi oleh guru, pemantapan pengajaran dalam pelbagai teknik atau strategi pengajaran akan lebih menarik minat dan seterusnya memberi kesan maksimum dalam proses penyampaian ilmu didalam bilik darjah. Salah satu pendekatan yang dapat memenuhi kriteria pengajaran itu adalah melalui perlaksanaan strategi didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan elemen yang terkandung dalam didik hibur iaitu buku cerita. Melalui penggunaan buku cerita sebagai bahan pengajaran ini, ia dapat memperkaya perbendeharaan kata dalam kalangan murid.

Pelbagai kaedah dan strategi boleh digunakan bagi membolehkan pelajar menimba perbendeharaan kata yang maksimum sesuai dengan tahap pembelajaran mereka, Rosliah Kiting (2011). Menurut beliau juga, kaedah dan strategi yang sesuai





dengan penggunaan bahan bantu mengajar juga turut memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin kepada pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran. Penguasaan tatabahasa bahasa Kadazandusun merupakan salah satu aspek yang amat penting. Malahan, aspek ini adalah tunjang utama untuk memusatkan guru dan pelajar untuk cekap dan mahir untuk menggunakan Bahasa Kadazandusun sama ada dalam penulisan ataupun pertuturan secara formal dalam kehidupan seharian.

Keberkesanan penerapan didik hibur merupakan tindak balas daripada kemampuan murid-murid mencerap ilmu melalui pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam usaha menggapai hasrat kerajaan yang telah memperkenalkan pendekatan seni bahasa dan didik hibur di sekolah rendah, pelbagai usaha daripada pelbagai pihak untuk melihat dan menilai semula keberkesanan pendekatan ini. Selain itu, penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan lebih berpusatkan murid.

Rosliah Kiting (2011), menyatakan bahawa matlamat utama Bahasa Kadazandusun sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan ketramplinan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan seharian. Hal ini menujukkan pentingnya menguasai bahasa dengan betul bagi membantu seseorang dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa pendekatan didik hibur merupakan satu langkah yang difikirkan efektif untuk menyampaikan pengajaran dalam matapelajaran Bahasa Kadazandusun. Proses pengajaran melalui pendekatan didik hibur terhadap komponen bahasa dan sastera seperti aktiviti bercerita yang diaplikasikan oleh pengkaji dan dijalankan dalam suasana yang lebih santai dan





terkawal mampu menjadi nilai tambah dalam proses pengajaran bahasa Kadazandusun. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini mampu memberi keseronokan murid dalam mempelajari Bahasa Kadazandusun secara terancang , bersistematik dan menyenangkan dalam suasana yang lebih santai.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2011, statistik murid yang mengambil matapelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat sekola rendah adalah seramai 13,837 orang murid.q Manakala di peringkat sekolah menengah pula hanya terdapat seramai 4165 orang murid sahaja. Pada tahun 2017, angka ini telah meningkat kepada 40,566 orang murid yang mengambil matapelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah Rendah dan seramai 4416 orang murid di peringkat sekolah Menengah (*Sumber: Temubual dengan pegawai Meja BKD, JPN Sabah pada 30 Oktober 2017*). Statistik menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2011 hingga tahun 2017. Namun demikian, peningkatan jumlah murid yang mengambil Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah Menengah masih tidak memberangsangkan.

Melihat kepada perbezaan diantara jumlah murid di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, timbul persoalan mengapakah wujud jurang perbezaan yang begitu jauh di antara kedua-dua jumlah pelajar tersebut? Adakah jurang perbezaan tersebut berkaitan dengan masalah yang disebabkan oleh kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru didalam pengajaran dan pembelajaran? Menurut Ramlah Jantan (2002), didapati bahawa dalam kajian beliau, dalam sistem pendidikan pada masa kini yang





terlalu bergantung terhadap papan tulis, buku teks, dan guru adalah kurang sesuai diaplikasikan dalam sistem pendidikan pada masa kini yang telah melalui arus pemodenan yang begitu rancak sekali. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), (1992) ada menyatakan didalam laporan bahawa terdapat beberapa faktor yang telah mempengaruhi pencapaian akademik murid. Ia termasuk kaedah-kaedah yang telah dipraktikan oleh guru didalam bilik darjah adalah tidak berkesan.

Menurut Howard J. Shaffer (2011), bagi mewujudkan keceriaan aspek emosi adalah melalui kaedah ataupun amalan pembelajaran yang menyeronokkan didalam proses pembelajaran di bilik darjah mahupun daripada interaksi bersama dengan murid dalam situasi yang tidak formal. Senario ini akan memberikan impak yang lebih positif dalam hubungan diantara guru dan murid serta mengehadkan batasan hubungan atau

formality diantara murid dengan guru. Dalam hal ini juga, pengaplikasian pembelajaran yang menyeronokkan oleh guru juga akan menyebabkan mereka sentiasa disukai dan disenangi oleh murid apabila mereka yakin bahawa guru tersebut lebih bersifat mesra terhadap murid-murid.

Menurut hasil kajian oleh Rosneh Wasli (2013), iaitu berkaitan tentang minat pelajar terhadap mata pelajaran Kadazandusun dalam kalangan pelajar Daerah Tambunan di Sabah mendapati bahawa semenjak mata pelajaran bahasa Kadazandusun diperkenalkan pada tahun 2006, penerimaan oleh murid-murid terhadap mata pelajaran ini adalah kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang berbangsa Kadazandusun terutamanya di daerah Tambunan, Sabah. Dalam kajian ini juga mendapati bahawa, kurangnya minat murid terhadap matapelajaran ini menyebabkan mereka tidak mengambil subjek ini di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia





(SPM). Faktor-faktor yang telah dikenalpasti telah mempengaruhi minat murid terhadap matapelajaran bahasa Kadazandusun ini diantaranya adalah faktor-faktor seperti persekitaran, globalisasi, sumber pengajaran dna pembelajaran (perbezaan dialek), latar belakang keluarga, pemerolehan bahasa pertama dan seterusnya dasar-dasar kurikulum terhadap mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting untuk melihat keberkesanan pendekatan Didik Hibur dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap subjek ini.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut :



- a. Mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.
- b. Menganalisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan didik hibur.
- c. Menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.





1.5 Soalan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan penerapan didik hibur ke dalam pengajaran dan pembelajaran melalui analisis soalan kajian yang berikut:

- a. Sejauh manakah minat murid untuk melibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan didik hibur?
- b. Sejauh manakah tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur?
- c. Sejauh manakah tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dan berguna kepada:

1.6.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Melalui hasil dapatan kajian ini, diharap agar dapat memberi sumbangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pembinaan modul berunsurkan elemen didik hibur yang mampu memenuhi kriteria KSSM. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak perancang kurikulum serta pengelola dalam mengenalpasti aspek-





aspek yang perlu diberi perhatian dalam usaha menambahbaik aktiviti dengan memasukkan kepelbagaian aktiviti berkaitan dengan didik hibur didalam program pendidikan. Usaha membukukan kepelbagaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berunsurkan didik hibur harus dipergiatkan lagi sebagai panduan kepada guru-guru dan juga para pengkaji bagi menambahbaik mutu pedagogi di Malaysia khususnya.

1.6.2 Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

Melalui penghasilan kajian ini juga, mampu memberi impak positif di mana dapat mencetus idea dalam penghasilan buku panduan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Kadazandusun. Memandangkan kurikulum amat penting dalam dunia pendidikan di Malaysia, maka kajian ini adalah penting kepada penggubal kurikulum bahasa Kadazandusun agar memandang berat terhadap kepentingan penerapan didik hibur ke dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Kajian ini akan memberi inspirasi serta idea kepada penggubal kurikulum untuk meningkatkan kualiti kurikulum melalui sumbangan kajian ini terhadap didik hibur didalam pengajaran bahasa Kadazandusun terutamanya di peringkat sekolah menengah.





1.6.3 Guru-Guru Bahasa Kadazandusun

Melalui kajian ini, ia dapat membantu para guru bagi merancang aktiviti yang sesuai untuk diaplikasikan didalam kelas. Aktiviti pembelajaran yang berunsurkan didik hibur seperti aktiviti bercerita melalui suasana pembelajaran yang terancang dapat membantu dalam perkembangan murid dari aspek kognitif, emosi, jasmani, rohani serta kemahiran sosial. Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap agar guru-guru dapat mengaplikasikan unsur-unsur yang terkandung dalam elemen didik hibur agar dapat dimanfaatkan sebaiknya didalam pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 kini. Guru-guru juga harus kreatif dan sentiasa berfikiran kehadapan dengan menambah *skill* dan ilmu dalam bidang pedagogi agar budaya pembelajaran murid-murid sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.



1.6.4 Pelajar

Hasil kajian ini penting untuk pelajar sekolah dan institusi tinggi bagi mempelajari bahasa Kadazandusun melalui pendekatan didik hibur yang mampu menarik minat mereka untuk mempelajari subjek tersebut. Bagi pelajar di institusi pengajian tinggi pula, mereka boleh menggunakan modul serta menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan semasa menjalani latihan mengajar di sekolah pada masa akan datang.





1.7 Batasan Kajian

Lokasi untuk menjalankan kajian ini terbatas di sekolah luar bandar di salah satu daerah yang terdapat di Negeri Sabah sahaja. Responden adalah terhad kepada murid menengah rendah yang mengambil mata pelajaran bahasa Kadazandusun sahaja. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada tiga objektif kajian iaitu objektif yang pertama ialah mengenalpasti minat murid terhadap penerapan didik hibur didalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Manakala objektif yang kedua ialah berkenaan dengan analisis tahap kesediaan murid didalam pembelajaran yang menerapkan unsur didik hibur. Seterusnya objektif yang terakhir adalah menghuraikan tahap penerimaan murid tentang penerapan didik hibur didalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun.



1.8 Definisi Pembolehubah

1.8.1 Penerapan

Kamus Pelajar Edisi Kedua mentakrifkan penerapan iaitu kata terbitan daripada kata akar ‘terap’ sebagai satu hal iaitu perbuatan menerap atau menerapkan sesuatu, menerapkan sesuatu teori atau hal-hal yang berkaitan dengan hal mempraktikkan. Manakala, *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)* memberi takrifan ‘penerapan’ sebagai suatu perbuatan menerapkan. Menurut pendapat daripada beberapa tokoh





seperti Cahyononim dalam J.S Badudu dan Sutan Mohammad Zain (2010), beliau berpendapat bahawa penerapan adalah satu tindakan yang telah dilakukan oleh individu ataupun sekumpulan manusia dengan tujuan untuk mencapai objektif yang telah dicanangkan.

Penerapan adalah satu kegiatan yang mempunyai tiga unsur penting dan ‘syarat’ untuk mendapatkan hasilnya, Wahab (2008). Unsur-unsur penerapan yang dimaksudkan terdiri daripada :

- a. Terdapat perlaksanaan program.
- b. Terdapat kumpulan sasaran. Sasaran boleh terdiri daripada sekelompok masyarakat yang menjadi target yang menerima manfaat dan kebaikan daripada program yang diadakan.
- c. Melalui perlaksanaan sesuatu program, terdapat organisasi ataupun individu yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengelola dan menguruskan perlaksanaan tersebut daripada proses penerapan yang dilaksanakan.

Melalui istilah dan pendapat daripada tokoh diatas, maka penerapan akan dapat dilaksanakan apabila wujudnya program-program yang mempunyai kumpulan sasaran dan mendapat segala faedah serta manfaat yang ingin digapai oleh pelaku atau individu yang menjalankan program tersebut.





1.8.2 Didik Hibur

Menurut *Kamus Dewan* (2000), ia mentakrifkan didik sebagai pelihara, jaga dengan hati-hati dan ajar. Manakala hibur pula membawa maksud menyenangkan atau menggirangkan hati. Didikhibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur dengan penekanan pelaksanaannya terhadap beberapa elemen seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan berpuisi.

Melalui definisi oleh Meller menurut Indrawati dan Wanwan Setiawan (2009), bagi mewujudkan senario pembelajaran yang menggembirakan serta menyenangkan, seorang guru perlu memainkan peranan secara maksimum. Dalam kajian ini, didik hibur bermakna penumpuan terhadap penglibatan pelajar secara maksimum. Suasana ini dapat diwujudkan dengan berpegang kepada konsep didik hibur iaitu belajar dalam suasana yang lebih santai dan menyeronokkan namun masih dalam keadaan yang terkawal.

1.8.3 Pengajaran

Menurut Mok (2000), pengajaran adalah satu aktiviti menyampaikan isi sesebuah pengajaran di samping memotivasiikan pelajar untuk mempersiapkan diri menerima ilmu, penekanan dari aspek disiplin, serta mendorong mereka untuk melakukan aktiviti dan interaksi yang lebih positif. Seterusnya, menurut Noraini dan Shuki (2009), pula pengajaran adalah merangkumi 3 aspek iaitu, pendekatan, strategi serta kaedah yang digunakan bagi menyampaikan segala isi kandungan mata pelajaran yang terkandung di dalam standard kurikulum yang telah ditetapkan. Menurut Ee Ah Meng (2003) pula,





pengajaran merupakan satu proses menyampaikan kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap serta nilai-nilai.

Pengajaran boleh dilakukan melalui penerangan, menunjukkan cara, melalui ujikaji atau eksperimen atau gabungan kesemua kaedah tersebut. Ia berkait rapat sebagaimana seorang guru menyampaikan ilmu melalui pendekatan yang paling sesuai. Malah, proses pengajaran bukan sahaja berlaku di dalam bilik darjah, akan tetapi boleh berlaku secara tidak formal di luar bilik darjah.

Dalam kajian ini, pengajaran merupakan satu aktiviti menyampaikan ilmu yang melibatkan guru dan pelajar dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Suasana pembelajaran yang menyeronokkan ini dapat diwujudkan melalui penglibatan penuh oleh pelajar melalui pendekatan yang di aplikasikan oleh guru di dalam bilik darjah. Iaitu penerapan unsur didik hibur bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang bersifat lebih santai dan menyeronokkan.

1.8.4 Pembelajaran

Menurut Lee Shok Mee (1998), pembelajaran diertikan sebagai satu cara untuk mendapatkan maklumat serta pengetahuan, bagaimana untuk menguasai sesuatu kemahiran dan sifat, seterusnya membentuk sikap dan keyakinan dalam diri seorang murid. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pembelajaran dapat dirumuskan sebagai satu kaedah ataupun cara seseorang murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan seterusnya memperolehi keputusan yang lebih cemerlang didalam peperiksaan kelak.





Shahabudin Hashim (2003) pula mentakrifkan pembelajaran sebagai memperhalusi fikiran serta menambahbaik kebolehan berfikir seseorang individu, mendalami kefahaman seseorang tentang sesuatu isu serta meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam tentang fenomena seperti memperolehi teknik yang jauh lebih baik mahupun fakta yang lebih baharu. Menurut Gagne (1974) dalam Ghafar (2003), pembelajaran merupakan perubahan dari segi pemikiran, sikap serta kebolehan seseorang individu yang bukan disebabkan oleh peroses tumbesaran, sebaliknya ia adalah kesan daripada peningkatan dari segi kebolehan bagi sesuatu perbuatan mahupun pekerjaan yang berkaitan tentang sikap, minat dan seterusnya nilai-nilai didalam diri individu.



Dalam kajian yang lalu, beberapa terhadap definisi yang menyatakan maksud bahasa. Menurut Finocchiaro (1964), bahasa merupakan sistem yang arbitrari dimana simbol bunyi bersuara yang membenarkan semua orang dalam budaya itu ataupun mereka yang mempelajari sistem budaya berkomunikasi. Manakala dalam kamus Linguistik (1997), pula mendefinisikan bahasa sebagai sesuatu keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi bersuara arbitrary yang dipersetujui bersama melalui satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat untuk berinteraksi.

Manakala Kadazandusun pula ditakrifkan sebagai bangsa yang mewakili 40 kumpulan dialek iaitu orang-orang yang bahasa ibundanya ialah salah satu daripada dialek tersebut, mengamalkan tradisi, adat resam dan menunjukkan manifestasi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
16

kebudayaan rumpun Kadazandusun, Topin dan Udong (2001) dalam Rosliah Kiting (2016). Dalam kajian ini, Bahasa Kadazandusun merujuk kepada bahasa yang sudah piaawai dan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah dan rendah di mana ia tertakluk di bawah Akta Kementerian Pendidikan Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana penerapan didik hibur mempengaruhi minat, tahap kesediaan dan penerimaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah rendah. Lokasi kajian adalah tertumpu di sekolah luar bandar dimana subjek bahasa Kadazandusun ini ada ditawarkan. Bagi mencapai matlamat serta objektif kajian ini, pengkaji mengambil beberapa pendekatan seperti menjalankan kerja lapangan dengan mempraktikan modul didik hibur di sekolah terpilih serta mengedarkan borang soal selidik untuk mendapat respon daripada sampel kajian iaitu murid yang terlibat dalam kajian ini.

Seterusnya, dalam Bab Dua akan membincangkan tentang literatur yang telah

